



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 FEBRUARI 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Lebih 14.6 juta rakyat nikmati BUDI95

Lebih 14.6 juta rakyat menikmati harga petrol RON95 bersubsidi di bawah program Budi MADANI RON95 (BUDI95) sehingga kelmarin.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata sistem BUDI95 sudah memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa sebarang masalah.

"Melalui BUDI95, rakyat menikmati harga RON95 pada kadar RM1.99 seliter secara terus di pam minyak tanpa pendaftaran baharu atau proses yang rumit.

"Penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyasaran subsidi telah terbukti berkesan dan praktikal," katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai fiskal reformasi yang berjaya dilaksanakan dengan baik seperti BUDI95 dan rancangan kerajaan untuk mereplikasikan kejayaan mekanisme penyaluran itu kepada barangan lain seperti minyak masak dan gula.

Amir Hamzah berkata, pengesahan berasaskan identiti



Sistem BUDI95 sudah memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa sebarang masalah.

(Foto hiasan)

warganegara membantu mengurangkan ketirisan kepada bukan warganegara.

Melangkah ke hadapan, beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji penggunaan MyKad untuk Skim Pen-

stabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Katanya, penelitian lanjut sedang dilaksanakan untuk meluaskan penggunaan ekosistem sedia ada berasaskan MyKad, termasuk integrasi dengan sistem Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi memperkukuh pe-

ngesahan identiti dalam pemantauan penjualan minyak masak bersubsidi.

"Tahap penggunaan tinggi menunjukkan mekanisme MyKad mudah diakses, stabil dan diterima baik oleh rakyat.

"Keberkesanan ini turut disokong oleh pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) 2025 yang merekodkan kadar penggunaan 99 peratus melalui MyKad. Ini membuktikan pendekatan MyKad berfungsi baik dan mesra pengguna tanpa memerlukan aplikasi tambahan," katanya.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali mengumumkan kerajaan akan memperkenalkan MyKad baharu dilengkapi sistem kod QR bermula 1 Jun ini bagi membolehkan setiap pembelian minyak masak paket bersubsidi oleh rakyat tempatan direkodkan secara sistematik.

Katanya, penggunaan MyKad itu akan menjadi antara pilihan dalam proses pembelian barangan itu menerusi Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS), sekali gus mengesahkan pembelian oleh warga asing.

Tindakan 24 jam jika tiada tanda harga

- Peniaga bazar Ramadan diingot patuh peraturan
- Anggota penguat kuasa digerakkan untuk pemantauan

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SABAK BERNAM – Peniaga bazar Ramadan di seluruh negara yang gagal mematuhi peraturan termasuk tidak meletakkan tanda harga barangan atau makanan akan dikenakan tindakan dalam tempoh 24 jam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, kesalahan tersebut tidak boleh dipandang ringan kerana termaktub di bawah undang-undang pencatutan.

"Itu undang-undang yang wajib dipatuhi. Kita harap rakan media yang turun ke bazar Ramadan boleh bantu menyalurkan maklumat sekiranya ada peniaga yang tidak meletakkan tanda harga.

"Maklumkan bazar mana, kita akan pantau segera. Komitmen kita (KPDN), apa-apa isu berkaitan harga termasuk penandaan harga, kita akan ambil tindakan dalam tempoh 24 jam," katanya ketika ditemui selepas melancarkan Inisiatif Ihsan Food Bank (i-FB) di sini semalam.

Menurut Armizan, anggota penguat kuasa KPDN akan turun ke bazar Ramadan bagi memantau berkaitan elemen pencatutan dan kepatuhan peniaga terhadap kewajipan mempamerkan tanda harga.

Katanya, kerajaan juga



GOLONGAN peniaga diingatkan supaya meletakkan tanda harga bagi mengelakkan dikenakan tindakan.

mengambil pendekatan proaktif untuk memastikan bekalan bahan mentah mencukupi bagi mengelakkan gangguan rantaian bekalan yang boleh menjejaskan keseimbangan permintaan dan penawaran.

Sehubungan itu, kerajaan mewujudkan Jawatankuasa Penstabilan Bekalan yang dipengerusikan Ketua Setiausaha KPDN bagi menyelaras isu bekalan, khususnya dalam tempoh perayaan tahun lalu.

"Jawatankuasa itu melibatkan kerjasama rentas kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi memastikan bekalan mencukupi ketika permintaan meningkat.

"Kalau sebelum ini Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) pun ada menyebut sudah dua tahun menjelang perayaan ini tidak ada isu yang terlalu besar.

"Kita akan memastikan bekalan mencukupi seterusnya mengelakkan harga tidak melambung tinggi bukan hanya pada musim perayaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, KPDN memperkenalkan inisiatif Ihsan Food Bank (i-FB) sebagai transformasi program Food Bank Malaysia yang menekankan penglibatan pelbagai pihak dengan tiga komponen utama iaitu santuni komuniti, sayangi alam, dan selamat

“

Kerajaan juga mengambil pendekatan proaktif bagi memastikan bekalan bahan mentah mencukupi bagi mengelakkan gangguan rantaian bekalan yang boleh menjejaskan keseimbangan permintaan dan penawaran."

kan makanan.

"Salah satu teras yang digariskan adalah untuk mengurangkan atau transformasi lebih makanan kepada food bank," katanya.

Inisiatif itu dilaksanakan susulan data Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menunjukkan rakyat Malaysia membuang kira-kira 17,000 tan metrik sisa makanan setiap hari.

"Malah, satu kajian yang dikeluarkan *Food and Agriculture Organization* mendapati satu pertiga atau bersamaan 1.3 bilion tan metrik makanan yang dihasilkan di seluruh dunia dibazirkan begitu sahaja.

"Jadi, salah satu fokus utama ialah menyalurkan lebih makanan kepada food bank. Penglibatan institusi pengajian tinggi dan komuniti, termasuk bazar Ramadan adalah penting untuk melonjakkan nilai dan impak inisiatif ini," ujarnya.

14.6 juta rakyat guna Budi95

DEWAN RAKYAT

- MyKad pengesahan kelayakan paling berkesan
- Sistem telah memproses 3.1 juta transaksi

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Dewan Rakyat dimaklumkan, lebih 14.6 juta rakyat telah memperoleh manfaat menerusi program penyasaran subsidi Budi Madani RON95 (Budi95) sehingga kelmarin.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, sistem Budi95 memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa masalah gangguan.

Kata beliau, data itu membuktikan penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyasaran subsidi adalah berkesan dan praktikal.

"Tahap penggunaan tinggi menunjukkan mekanisme MyKad mudah diakses, stabil dan diterima baik oleh rakyat.

"Keberkesanan ini turut disokong oleh pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (Sara) 2025 yang merekodkan kadar penggunaan 99 peratus melalui MyKad.

"Ini membuktikan pendekatan MyKad berfungsi baik dan mesra pengguna tanpa memerlukan aplikasi tambahan."



GAMBAR fail seorang pengguna mengisi RON95 menggunakan pengesahan MyKad di P. Pinang baru-baru ini.

“

Ini membuktikan pendekatan MyKad berfungsi baik dan mesra pengguna tanpa memerlukan aplikasi tambahan.”

kan aplikasi tambahan,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) berhubung kejayaan program

subsidi Budi95.

Dalam pada itu, Amir Hamzah berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji penggunaan MyKad untuk Skim

Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Menurut beliau, penelitian lanjut sedang dilaksanakan bagi memperkuh pengesahan identiti dalam pemantauan penjualan minyak masak bersubsidi.

Ujar beliau, pendekatan itu dapat memanfaatkan infrastruktur sedia ada tanpa memperkenalkan kaedah tambahan yang membebaskan rakyat sekali gus memastikan hanya warganegara layak menikmati subsidi.

Lebih 14.6 juta rakyat terima manfaat BUDI95

Kuala Lumpur: Lebih 14.6 juta rakyat telah menikmati harga petrol RON95 bersubsidi di bawah program Budi MADANI RON95 (BUDI95) setakat 11 Februari 2026, kata **Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan**.

Beliau berkata sistem BUDI95 telah memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa masalah.

“Melalui BUDI95, rakyat menikmati harga RON95 pada kadar RM1.99 seliter secara terus di pam minyak tanpa pendaftaran baharu atau proses yang rumit.

“Penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyasaran subsidi telah terbukti berkesan dan praktikal,” katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau)** mengenai fiskal reformasi yang berjaya dilaksanakan

dengan baik seperti BUDI95 dan rancangan kerajaan untuk mereplikasikan kejayaan mekanisme penyelarasan tersebut kepada barangan lain seperti minyak masak dan gula.

Amir Hamzah berkata pada masa yang sama, pengesahan berasaskan identiti warganegara membantu mengurangkan ketirisan kepada bukan warganegara.

Melangkah ke hadapan, beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji penggunaan MyKad untuk Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Katanya penelitian lanjut sedang dilaksanakan untuk meluaskan penggunaan ekosistem sedia ada berasaskan MyKad, termasuk integrasi dengan sistem Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi memperkukuh pengesahan identiti dalam pemantauan penjualan minyak masak bersubsidi.

Kerajaan janji selesai bayaran balik lebihan cukai tahun 2023 bulan ini

Kuala Lumpur: Kerajaan berjanji untuk menyelesaikan semua kes bayaran balik lebihan cukai bagi tahun taksiran 2023 lebih awal iaitu pada bulan ini, sementara lebihan cukai 2024 pula disasarkan diselesaikan sebelum hujung tahun ini.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, sehingga Selasa lalu, sebanyak RM5.4 bilion sudah dibuat bayaran balik membabitkan 38,629 kes iaitu bagi tahun taksiran 2023.

"Semua kes lebihan cukai bagi bagi tahun 2022 dan sebelumnya pula yang boleh dibayar sudah selesai pada tahun lalu.

"Penyelesaian bayaran balik lebihan cukai (tahun 2022) ini sudah dibuat membabitkan 3.7 juta kes pada tahun lalu berbanding 2.7 juta kes pada 2024," katanya menjawab soalan **Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau)** pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

Wee Tse bertanyakan berapa jumlah bayaran balik lebihan cukai yang sudah dibayar setakat ini, beraakah baki yang masih belum diselesaikan serta ga-



ris masa kerajaan untuk melunaskan sepenuhnya bayaran balik lebihan cukai itu.

Mengulas lanjut, Amir Hamzah berkata, bayaran balik lebihan cukai yang diselesaikan tahun 2025 adalah tertinggi dalam tempoh lima tahun iaitu RM22.45 bilion.

"Jika dibandingkan bayaran balik lebihan cukai dalam tiga tahun terkini (2023-2025), kerajaan me-

lunaskan bayaran balik sebanyak RM56 bilion iaitu 50 peratus lebih tinggi daripada bayaran balik tahun 2020-2022 sebanyak RM37 bilion.

"Sebahagian bayaran balik berjumlah RM7.5 bilion sudah dibuat dalam Disember 2025, berbanding komitmen awal RM4 bilion yang diumumkan Perdana Menteri pada 6 Disember 2025," katanya.

Menjawab soalan tam-

bahan Wee Tse, beliau berkata, penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyasaran subsidi terbukti berkesan dan praktikal.

"Sehingga semalam (kelmarin), lebih 14.6 juta rakyat menikmati harga petrol RON95 bersubsidi di bawah BUDI95. Sistem BUDI95 memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa masalah gangguan. Tahap penggunaan tinggi menunjukkan mekanisme MyKad mudah diakses, stabil dan diterima baik oleh rakyat.

"Keberkesanan ini turut disokong oleh pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) 2025 yang merekodkan kadar penggunaan 99 peratus melalui MyKad. Ini membuktikan pendekatan MyKad berfungsi baik dan mesra pengguna tanpa memerlukan aplikasi tambahan," katanya.

Dalam pada itu, katanya, melangkah ke hadapan, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji penggunaan MyKad untuk Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Govt mulls linking MyKad to subsidised cooking oil sales

KUALA LUMPUR: A study is underway to evaluate a proposal to expand the MyKad-based digital ecosystem by integrating it with the Sumbangan Asas Rahmah (Sara) system, with the aim of enhancing identity verification in the sale of subsidised cooking oil, says Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (pic).

The Finance Minister II said the ministry was working closely with the Domestic Trade and Cost of Living Ministry to further stem subsidy leakages by incorporating MyKad with the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme system.

"Further assessment is being

undertaken to expand the use of the existing MyKad-based ecosystem, including integration with the Sara system, to strengthen identity verification in monitoring the sale of subsidised cooking oil," he said in response to a

supplementary question from Tebrau MP Jimmy Puah on whether the government plans to replicate the success of the Budi Madani (Budi95) subsidy coordination mechanism for other goods such as cooking oil and sugar.

This approach, Amir Hamzah



added, leverages existing infrastructure without introducing additional burdens on the rakyat while ensuring that only eligible Malaysian citizens benefit from subsidies.

On Wednesday, the Budi95 targeted subsidy was projected to generate savings of up to RM2.5bil this year.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the projected savings would stem from curbing leakages associated with blanket fuel subsidies while maintaining price stability for the majority of Malaysians.

On a separate matter, Amir Hamzah said more than 14.6 million Malaysians have benefited from the Budi95 targeted fuel subsidy mechanism as of Feb 11, underscoring the effectiveness of the government's MyKad-based subsidy rationalisation framework.

He said the system processes an average of 3.1 million transactions daily without disruption, adding that the high utilisation rate demonstrates that the MyKad mechanism is stable.

"This effectiveness is further reinforced by the implementation of Sara 2025, which recorded a 99% utilisation rate via MyKad.

"This confirms that the MyKad-based approach is user-friendly," he said.

Amir Hamzah also said the government is aiming to complete tax refund payments for the Year of Assessment 2023 by this month.

The minister said the government inherited a substantial amount of outstanding tax refund arrears but it will continue to discharge its responsibility in managing tax refund cases.

As of Feb 10, a total of RM5.4bil in refunds involving 38,629 cases has already been disbursed.

Total tax refunds disbursed last year were at their highest amount in five years at RM22.45bil.



MoF teliti guna MyKad beli minyak masak bersubsidi

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan (MOF) sedang meneliti cadangan memperluas penggunaan ekosistem digital berasaskan MyKad, termasuk integrasi dengan sistem Sumbangan Asas Rahmah (Sara) bagi memperkukuh pengesahan identiti dalam penjualan minyak masak bersubsidi.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata MOF bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi tujuan berkenaan terutamanya melibatkan penggunaan MyKad untuk Sistem Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS).

Beliau berkata langkah itu bagi memastikan ketirisan dapat dibendung serta subsidi disalurkan secara mudah, adil dan tepat kepada golongan sasar.

"Pendekatan ini dapat memanfaatkan infrastruktur sedia ada tanpa memperkenalkan kaedah tambahan yang membebankan rakyat, sekali gus memastikan hanya warganegara yang layak menikmati subsidi," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, Khamis.

Amir Hamzah menjawab soalan tambahan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai rancangan kerajaan untuk mereplikasikan kejayaan mekanisme penyaluran subsidi Budi Madani (Budi 95) ke barangan lain seperti minyak masak dan gula.

Beliau berkata penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyaluran subsidi telah terbukti berkesan dan praktikal terutamanya menerusi pelaksanaan Budi 95.

"Sistem Budi95 memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa masalah gangguan. Tahap penggunaan yang tinggi menunjukkan mekanisme MyKad mudah diakses, stabil dan diterima baik rakyat.

"Keberkesanan ini turut disokong pelaksanaan Sara 2025 yang merekodkan kadar penggunaan 99 peratus melalui MyKad," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali semasa persidangan Dewan Rakyat pada 29 Jan lepas memaklumkan, KPDN sedang dalam fasa perbincangan dengan MOF bagi pelaksanaan cadangan menggunakan kad pengenalan sebagai opsyen pembelian minyak masak paket bersubsidi. - Bernama

Peniaga bazar Ramadan diingatkan patuh peraturan

SABAK BERNAM: Peniaga bazar Ramadan diingatkan untuk mematuhi peraturan jualan termasuk meletakkan tanda harga atau berhadapan tindakan tegas, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata perkara itu tidak boleh dipandang ringan dan penguat kuasa akan melakukan rondaan bagi memantau elemen pencatutan serta pematuhan peniaga terhadap kewajipan tersebut.

“Kita harap mereka yang ke bazar Ramadan boleh bantu menyalurkan maklumat jika ada peniaga tidak meletakkan tanda harga. Maklumkan bazar mana dan

kita akan pantau segera.

“Komitmen kita ialah akan mengambil tindakan susulan dalam tempoh 24 jam dalam apa-apa isu berkaitan harga termasuk penandaan harga,” katanya selepas melancarkan Inisiatif Ihsan Food Bank (i-FB) di sini semalam.

Armizan berkata kerajaan juga mengambil pendekatan proaktif dalam memastikan bekalan bahan mentah mencukupi bagi mengelakkan gangguan rantaian bekalan yang boleh menjejaskan keseimbangan permintaan dan penawaran.

Bagi tujuan itu, beliau berkata kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Penstabilan Bekalan pada tahun lepas

yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi menyelaraskan isu bekalan, khususnya dalam tempoh perayaan.

“Jawatankuasa itu melibatkan kerjasama rentas kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi memastikan bekalan mencukupi ketika permintaan meningkat.

“Kita akan terus pastikan tahun ini, bukan hanya menjelang Ramadan dan Aidilfitri, bekalan mencukupi seterusnya mengelakkan harga melambung tinggi,” katanya. — Bernama

MOF teliti penggunaan MyKad bagi pembelian minyak masak bersubsidi

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan (MOF) sedang meneliti cadangan memperluas penggunaan ekosistem digital berasaskan MyKad, termasuk integrasi dengan sistem Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi memperkukuh pengesahan identiti dalam penjualan minyak masak bersubsidi.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata, MOF bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi tujuan berkenaan terutamanya melibatkan penggunaan MyKad untuk Sistem

Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (eCOSS).

Beliau berkata, langkah itu bagi memastikan ketirisan dapat dibendung serta subsidi disalurkan secara mudah, adil dan tepat kepada golongan sasaran.

"Pendekatan ini dapat memanfaatkan infrastruktur sedia ada tanpa memperkenalkan kaedah tambahan yang membebankan rakyat, sekali gus memastikan hanya warganegara yang layak menikmati subsidi," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Amir Hamzah menjawab soal-soal tambahan Jimmy Pua

Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai rancangan kerajaan untuk mereplikasikan kejayaan mekanisme penyelaras subsidi BUDI MADANI (BUDI 95) ke barangan lain seperti minyak masak dan gula.

Beliau berkata, penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyasaran subsidi telah terbukti berkesan dan praktikal terutamanya menerusi pelaksanaan BUDI 95.

"Sistem BUDI 95 memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa masalah gangguan. Tahap penggunaan yang tinggi menunjukkan mekanisme MyKad mudah

diakses, stabil dan diterima baik rakyat.

"Keberkesanan ini turut disokong pelaksanaan SARA 2025 yang merekodkan kadar penggunaan 99 peratus melalui MyKad," katanya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali semasa persidangan Dewan Rakyat pada 29 Jan lalu memaklumkan, KPDN sedang dalam fasa perbincangan dengan MOF bagi pelaksanaan cadangan menggunakan kad pengenalan sebagai opsyen pembelian minyak masak pekiet bersubsidi. — Bernama

Lebih 14.6 juta rakyat terima manfaat BUDI95 setakat 11 Feb: Amir Hamzah

KUALA LUMPUR: Lebih 14.6 juta rakyat telah menikmati harga petrol RON95 bersubsidi di bawah program Budi MADANI RON95 (BUDI95) setakat 11 Februari 2026, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, sistem BUDI95 telah memproses secara purata 3.1 juta transaksi sehari tanpa masalah.

"Melalui BUDI95, rakyat menikmati harga RON95 pada kadar RM1.99 seliter secara terus di pam minyak tanpa pendaftaran baharu atau proses yang rumit.

"Penggunaan MyKad sebagai mekanisme pengesahan kelayakan dalam penyasaran subsidi telah terbukti berkesan dan praktikal," katanya pada Waktu Pertanyaan-

Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Jimmy Pua Wee Tse (PH-Tebrau) mengenai fiskal reformasi yang berjaya dilaksanakan dengan baik seperti BUDI95 dan rancangan kerajaan untuk mereplikasikan kejayaan mekanisme penyalaraan tersebut kepada barangan lain seperti minyak masak

dan gula.

Amir Hamzah berkata pada masa yang sama, pengesahan berasaskan identiti warganegara membantu mengurangkan ketirisan kepada bukan warganegara.

Melangkah ke hadapan, beliau berkata kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji penggunaan MyKad

untuk Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).

Katanya penelitian lanjut sedang dilaksanakan untuk meluaskan penggunaan ekosistem sedia ada berasaskan MyKad, termasuk integrasi dengan sistem Sumbangan Asas Rahmah (SARA) bagi memperkukuh pengesahan identiti dalam pemantauan penjualan minyak masak bersubsidi. — Bernama

MOF examining MyKad use in cooking oil purchases

KUALA LUMPUR: The Ministry of Finance (MOF) is studying a proposal to expand MyKad-based digital ecosystem by integrating it with the Sumbangan Asas Rahmah (SARA) system to strengthen identity verification in the sale of subsidised cooking oil.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan said the MOF was working closely with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) for this purpose, particularly on the use of MyKad under the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme (eCOSS) system.

He said the move was aimed at curbing leakages and ensuring that subsidies were channelled in a simple, fair and accurate manner to the targeted groups.

"This approach leverages existing infrastructure without introducing additional mechanisms that would burden the people, while ensuring that only eligible citizens receive the subsidies," he said during a question-and-answer session at the Dewan Rakyat yesterday.

He said this in response to a supplementary question from Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) on whether the government planned to replicate the success of the BUDI MADANI (BUDI 95)



SUBSIDISED cooking oil. Photo: BERNAMA

subsidy coordination mechanism for other goods such as cooking oil and sugar.

Elaborating, Amir Hamzah said the use of MyKad as a mechanism to verify eligibility for targeted subsidies had proven effective and practical, particularly through the implementation of BUDI 95.

"The BUDI95 system processes

an average of 3.1 million transactions daily without any disruption. The high utilisation rate demonstrates that the MyKad mechanism is accessible, stable and well received by the public.

"This effectiveness is further demonstrated by the implementation of SARA 2025, which recorded a 99 per cent usage

rate via MyKad," he said.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said during the Dewan Rakyat sitting on Jan 29 that KPDN was in discussions with the MOF on implementing the proposal to use identity cards for the purchase of subsidised packet cooking oil. — BERNAMA

大马卡验证机制有效实用 政府拟扩至食用油补贴

(吉隆坡12日讯)第二财长拿督斯里阿米尔·汉查说，使用大马卡作为针对性补贴的身份验证机制，已被证明是有效和实用，如今政府计划将大马卡验证机制扩大至食用油补贴。

他说，政府通过国内贸易及生活成本部，研究在食用油价格稳定计划(COSS)

使用大马卡的可行性。

他说，财政部也正展开进一步研究，扩大以大马卡为基础的现有生态系统使用，包括与慈悯基本援助金(SARA)融合，加强身分验证，以监控补贴食用油的销售。

阿米尔今天在国会下议院部长问答环节，针对人民公正党地不佬国会议员潘伟斯

的附加提问作答时，这么说。

潘伟斯询问，政府成功落实的财政改革如仁政昌明95补贴机制(BUDI95)，以及政府是否计划把该成功的协调机制，复制到其他物品如食用油和糖。

阿米尔说，截至昨日，全国有1460万人从仁政昌明95补贴机制受惠，系统日均处理310万笔交易，目前没面临问题。

“通过BUDI95，人民可直接在油泵以每公升1令吉99仙的价格购买RON95汽油，无需重新注册或经过复杂的程序。

他补充，以公民身分为基础的验证机制，有助减少非公民享有补贴的纒漏情况。

阿米尔韩查表示，用大马卡作为补贴资格的认证机制无需重新注册或复杂手续。（马新社图）



阿米爾：探討更精準發放 大馬卡或用於食油補貼

（吉隆坡12日讯）第二财长拿督斯里阿米尔韩查指出，财政部正在与国内贸易及生活费部合作研究将大马卡用于食用油补贴计划的可能性，包括与爱心基本援助金整合，以强化食用油补贴计划的身分认证。

“此举旨在防止补贴流失，并确保补贴能够方便、公平、准确地发放给目标群体。”

他今日在国会下议院回答土团党布城区国会议员莫哈末拉兹的附加提问时表示，这一方法利用现有基础设施（大马卡），并且无需引入任何可能增加民众负担的额外措施，同时确保只有我国合法公民才能享受补贴。

无需重注册或复杂手续

他表示，用大马卡作为补贴资格的认证机制无需重新注册或复杂手续，而且这已被仁政昌明

RON95（BUDI 95）证明是有效和实用的。

“截至2026年2月11日，已有超过1460万民众通过BUDI 95享受补贴油价。”

“高使用率显示大马卡机制易于访问且稳定，并受到民众认可。”

BUDI95系统未出现故障

他透露，在每日平均处理310万笔交易的情况下，BUDI 95系统并未出现系统性故障。

“爱心基本援助金也通过大马卡实现了99%的使用率。这证明大马卡方法运作良好且对用户友好，无需使用额外应用程序。”

他指出，基于国民身分的认证机制有助于减少非国民滥用补贴的情况。“正如首相于昨日所说，民众对外国人滥用补贴的监督也体现了他们的国家精神与身分认同。”

有信心2月完成2023退税 2024退税料年底結清

阿米尔韩查指出，政府有信心在今年2月提前完成2023年的超额退税，并预计在今年年底将完成2024年的超额退税。

他说，在此之前，政府曾承诺将在今年第一季度完成2023年的退税。

“2022年及以前的退税案件全数在2025年结清。”

“2025年已结清的退税案件达370万宗，而2024年则达270万宗。”

他今日在国会下议院回答公正党地不佬区国会议员潘伟斯的提问时指出，截至今年2月10日，政府共支付了54亿令吉的退税，其中涉及3万8629宗案件。

他透露，政府在2023至2025年所支付的退税总额达560亿令

吉，比2020至2022年的370亿高出50%。

“其中75亿已于去年12月支付，此金额远高于首相拿督斯里安华于去年12月6日所承诺的40亿令吉。”

他表示，为确保能按照期限向纳税人退税，政府实施了多种措施，包括根据欠税年限优先退税（先进先出原则）、全额支付个人多缴税款，优先处理现金流紧张的中小型企业或公司。

“无论案件的年份如何，政府将继续支付退税给所有纳税人，尤其是个人纳税人，而非仅限于公司。”

他说，政府致力于继续确保以公平、透明和公正的方式进行退税，同时兼顾所有纳税人的利益。

(诗巫12日讯) 4家公司因无执照持有柴油而抵触1961年供应管制法令，今日被国内贸易及生活费部提控上庭。4家公司代表在庭上认罪，地庭法官慕斯里宣判罚款共100万令吉。同时，柴油销售所得全数充公，涉案罗里及船只则归还给公司。

第一家公司共面对3项控状，被控于2024年8月25日下午3时在一码头，分别在3辆罗里内持有2729公升、3万1700公升及1万5897公升柴油。3项控状共计罚款15万令吉，或坐牢6个月取代。

第二家公司被控于同一时间地点，在一艘船内持有9万4750公升柴油。公司代表认罪后，被判罚款30万令吉，或坐牢6个月



▲国内贸易及生活费部砂拉越分局副检察官依沙伊布妮沙(右三)在法庭外与官员们交谈。

無執照擁大量柴油 4公司罰款100萬

取代。

第三家公司被控于同一时间地点，在一辆罗里内持有3万8000公升柴油。公司代表认罪后，被判罚款15万令吉，或以监禁4个月取代。

第四家公司被控于同一时间地点，持有14万1060公升的柴油。公司代表认罪后，被判罚款40万令吉，或以监禁8个月取代。

4家公司均违反1974年供应控制条例第3(1)条文，抵触1961年供应管制法令第21条文，并可在1961年供应管制法令第22(1)及第22(2)条文下被定罪。首次违规者最高可罚款不超过200万令吉；第二次或后续违规，最高可罚款不超过500万令吉。

4家公司的辩护律师为林腾，主控官为国内贸易及生活费部砂拉越分局副检察官依沙伊布妮沙。4家公司均选择缴付罚款。

内贸局严打商业操纵行为

国内贸易及生活费部砂拉越分局局长马修多米尼今午发文告指出，2024年8月25日，国内贸易及生活成本部联合反贪委员会及警方在诗巫捣破一宗走私柴油案，今日提控4家公司及8名董事。8名董事介于40至75岁。

随着案件下判，内贸局重申将透过“反操纵与泄密”计划，持续打击商业操纵行为。该局呼吁民众踊跃举报违法行为，可通过WhatsApp(019-8488000)、电邮(e-aduan@kpdn.gov.my)、呼叫中心(1-800-886-800)和手机应用程序(Ez ADU KPDN)进行举报。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

FEEDMILLERS

POULTRY FEED CARTEL FINES UPHELD

MBSB Research maintains core earnings forecasts for Leong Hup and PPB

KUALA LUMPUR

LEONG Hup International Bhd's earnings could fall by about 25 per cent in financial years 2026 and 2027 in a worst-case scenario following the Competition Appeal Tribunal's (CAT) decision to uphold penalties linked to a poultry feed cartel, according to MBSB Research.

MBSB Research also said PPB Group Bhd's earnings may decline by around two to three per cent over the same period, reflecting its 80 per cent stake in FFM Bhd, depending on the legal outcome and timing of payment.

CAT has dismissed appeals brought by four feedmillers — Leong Hup Feedmill Malaysia, Dindings Poultry Development Centre, FFM and Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd — against

Malaysia Competition Commission's (MyCC) December 2023 decision for the infringement of Section 4 of the Competition Act 2010 (Act 712).

All penalties and directives imposed by MyCC were upheld.

MyCC found that five feedmillers breached Section 4 of the Competition Act by engaging in anti-competitive agreements or concerted practices to raise prices of poultry feed containing soyabean meal and maize between early 2020 and mid-2022.

Another feedmillers did not appeal.

The total penalty amounts to RM367 million, of which Leong Hup faces RM157.5 million and FFM RM42.7 million. PPB's effective exposure is estimated at RM34.2 million.

Both Leong Hup and FFM said they intend to pursue further le-



The Malaysia Competition Commission found that five feedmillers had engaged in anti-competitive agreements.

NSTP FILE PIC

gal recourse, likely through judicial review, and will consult external counsel.

Leong Hup has also indicated it

will seek a stay to suspend payment of the fine pending further action.

MBSB Research maintained its

